

**KETERANGAN DOKUMEN DALAM BENTUK DIGITAL DI MAHKAMAH  
SYARIAH: ANALISIS BERKAITAN DEFINISI SERTA KEBOLEHTERIMAANNYA  
DI SISI PRINSIP SYARIAH DI MALAYSIA**

Mohamad Azhan Yahya  
Pensyarah, Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Prof. Madya Dr. Ahmad ‘Azam Mohd Shariff  
Pensyarah, Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Abu Hassan Abdullah  
Pegawai Syariah,  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah.

**Abstrak**

*Keterangan berbentuk dokumen sering dikemukakan dalam perbicaraan kes Mal dan Jenayah di Mahkamah Syariah di negara ini. Keterangan tersebut amat penting dalam membuktikan dakwaan atau tuntutan yang dibawa ke Mahkamah Syariah. Antara bentuk keterangan dokumen yang sering dikemukakan di Mahkamah Syariah di Malaysia adalah keterangan dokumen dalam bentuk digital. Kajian ini menjurus kepada definisi serta kebolehterimaan keterangan dokumen digital di sisi prinsip Syariah dan bagaimanakah penerimaan prinsip prinsip tersebut oleh mahkamah syariah di Malaysia. Kajian ini adalah merupakan suatu kajian perundangan yang menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. Ianya merupakan suatu kajian empirikal yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Dalam kajian perpustakaan yang dilaksanakan, kajian ini menggunakan kaedah-kaedah analisis kandungan dan analisis kritis dalam menganalisis maklumat serta data yang diperolehi dari bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dari jurnal dalam isu berkaitan keterangan dokumen dan keterangan dokumen digital dari perspektif prinsip Syariah. Kaedah kajian lapangan turut digunakan bagi memperkuuhkan dapatan-dapatan kajian yang sedia ada. Kajian ini kemudiannya mendapati masih terdapat kelompongan dalam prinsip Syariah berkaitan definisi serta kebolehterimaan keterangan berbentuk digital yang boleh diperjelaskan serta diperkemaskan lagi. Kajian turut mendapati terdapat keperluan untuk memperjelaskan lagi isu tahap serta keseragaman penerimaan Mahkamah Syariah negara ini terhadap kebolehterimaan keterangan digital sebagai pembuktian dalam perbicaraan jenayah dan mal syariah. Berdasarkan kedua-dua dapatan tersebut, kajian ini akhirnya mengemukakan cadangan agar prinsip syariah berkaitan definisi serta kebolehterimaan keterangan dokumen digital dapat diperjelaskan dan diperkemaskan. Kajian juga turut mencadangkan agar Mahkamah Syariah di Malaysia mengambil pendirian yang jelas untuk menerima secara mutlak dan seragam keterangan dokumen berbentuk digital sebagai pembuktian yang sah dan bernilai dalam mana-mana perbicaraan kes jenayah dan mal syariah.*

**Kata Kunci:** *Keterangan Dokumen, Keterangan Dokumen Digital, Prinsip Syariah, Kebolehterimaan, Kes Jenayah Syariah, Kes Mal Syariah.*

## **Pengenalan:**

Keterangan dokumen seperti yang ditafsirkan di dalam Seksyen 3 Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan 1997 bermaksud apa-apa benda, bahan, barang atau artikel, cakera, pita, filem, runut bunyi dan peranti lain yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan. Keterangan dokumen juga membawa maksud bukti yang berasal dari dokumen yang dikeluarkan untuk pemeriksaan mahkamah berhubung permasalahan yang menjadi pertikaian.<sup>1</sup> Keterangan dokumen dalam bentuk digital boleh didefinisikan sebagai apa-apa maklumat atau data yang bernilai di dalam penyiasatan yang disimpan, diterima dan dipindahkan melalui peranti elektronik.<sup>2</sup> Sumber bahan bukti keterangan digital seperti kandungan maklumat di dalam komputer, fail audio, rakaman video dan imej digital.<sup>3</sup> Sebagai contohnya, telefon selular, kamera digital, komputer, alat cetak, mesin fotostat, pita sokongan, alat pengimbas, rangkaian internet, perisian dan protokol komunikasi.<sup>4</sup>

Di mahkamah sivil, keterangan dokumen berbentuk digital ini dikemukakan dalam kes-kes dengan tujuan untuk mengukuhkan alasan pertuduhan. Keterangan dalam bentuk ini dikemukakan dalam kes gangguan seksual, mendapatkan keterangan dalam kes penipuan dan aktiviti-aktiviti jenayah, membuktikan pertalian di antara mangsa pembunuhan dan tertuduh, mengenalpasti identiti penjenayah dan memberi keterangan mengenai ugutan bunuh melalui emel.<sup>5</sup> Di mahkamah syariah pula, keterangan dokumen berbentuk digital ini dikemukakan dalam kes-kes mal bertujuan untuk menyokong tuntutan dalam kes perceraian, pengesahan nikah dan kes-kes berkaitan nafkah. Ianya turut dikemukakan dalam kes-kes jenayah syariah dengan tujuan untuk mengukuhkan dakwaan terhadap tertuduh sepetimana dilihat dalam kes kesalahan persetubuhan haram dan kesalahan khalwat.

Di mahkamah sivil, prinsip kebolehterimaan keterangan dokumen dan keterangan dokumen digital memang telah sedia maklum. Hakim di dalam kes *RHB Bank Berhad lwn Lee Kai Shin & Lain-lain* telah memutuskan bahawa penyata bank yang dikemukakan oleh RHB Bank merupakan keterangan berbentuk dokumen dan diterima setelah disokong oleh keterangan yang diberikan oleh saksi di dalam kes perjanjian jual beli.<sup>6</sup> Dalam erti kata lain, keterangan berbentuk digital ini telah diterima sebagai pembuktian di mahkamah sivil sebagai satu keterangan sokongan. Di dalam kes *Hanafi bin Mat Hassan lwn Pendakwa raya*, bahan bukti keterangan berbentuk digital yang dikemukakan dalam kes ini iaitu tiket bas dan keputusan DNA telah diterima dalam membuktikan tertuduh bersalah terhadap tuduhan merogol dan

---

<sup>1</sup> Anwarullah, *Principles of Evidence in Islam*, Percetakan Zafar Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2000, Hlm. 120-123.

<sup>2</sup> Sean E. Goodison, Robert C. Davis, Brian A. Jackson, *Digital Evidence and The U.S. Criminal Justice System*, [http://www.rand.org/pubs/research\\_reports/RR890.html](http://www.rand.org/pubs/research_reports/RR890.html), [9 Januari 2017].

<sup>3</sup> Joint Technology Committee, *Managing Digital Evidence in Courts*, JTC Resource Bulletin, <http://www.ncsc.org/~media/files/pdf/about%20us/committees/jtc/jtc%20resource%20bulletins/digital%20evidence%203-14-2016%20final.ashx>, [10 Januari 2017].

<sup>4</sup> Mohamad Ismail Mohamad Yunus, *Nilai Keterangan elektronik dan Digital Menurut Akta Keterangan 1950*, Pengaman, Official Magazine of Royal Malaysia Police, <http://irep.iium.edu.my/50511/>, [10 Januari 2017].

<sup>5</sup> Mohamad Ismail Mohamad Yunus, *Nilai Keterangan elektronik dan Digital Menurut Akta Keterangan 1950*, Pengaman, Official Magazine of Royal Malaysia Police, <http://irep.iium.edu.my/50511/>, [10 Januari 2017].

<sup>6</sup> Nurainolmardhiah Abdul Halim, Setra Ginsim, Siti Khadijah Baharuddin, *Case Studies: Admissibility of Digital Records As Legal Evidence in Malaysia*, <http://www.sarbica.org.my/images/stories/doc/SeminarOnElectronicRecords-KL2015/paper-case%20studies%20admissibility%20of%20digital%20records%20as%20legal%20evidence%20in%20malaysia.pdf>, [9 Januari 2017].

membunuh mangsa.<sup>7</sup> Pembuktian melalui keputusan DNA yang dicetak melalui komputer dikategorikan sebagai keterangan berbentuk digital dan diterimakai di dalam kes *Ahmad Najib lwn Pendakwa raya*.<sup>8</sup> Di dalam kes *Pendakwa raya lwn Datuk Haji Sahar Arpan dan Azilah Hadri & Lain-lain lwn Pendakwa raya*,<sup>9</sup> mahkamah menerima pakai dokumen yang dicetak daripada komputer sebagai keterangan berbentuk digital di bawah Akta Keterangan 1950.

Keterangan-keterangan dokumen berbentuk digital sedemikian turut dikemukakan di mahkamah syariah. Dalam kes *Fazida lwn Latif*,<sup>10</sup> mahkamah mengesahkan dan mensabitkan perceraian suami isteri yang dilafazkan melalui SMS (sistem mesej singkat) apabila suami menghantar ayat SMS untuk bercerai. Ini menunjukkan bahawa keterangan berbentuk digital seperti SMS dikemukakan di mahkamah syariah untuk membantu mengesahkan bahawa perceraian telah berlaku di antara suami isteri tersebut. Kenyataan ini berdasarkan juga kepada kes *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*,<sup>11</sup> hakim di dalam kes ini bersetuju dengan pihak Plaintiff yang telah berjaya mengemukakan *qarinah* yang boleh diterima oleh mahkamah syariah Selangor, iaitu resit dan cek sebagai dokumen dan wang bayaran balik. Transaksi bayaran balik wang yang dikemukakan oleh Plaintiff dalam bentuk cek itu dinamakan sebagai keterangan berbentuk digital.

## **Keterangan Dokumen Digital di Mahkamah Syariah di Malaysia: Analisis Definisi dan Kebolehterimaannya dari perspektif Prinsip Syariah**

Berdasarkan pandangan yang diutarakan oleh Abdul Haseb dalam bukunya *al-qadi wa al-bayyinah*, dokumen boleh didefinisikan sebagai suatu tulisan pada kepingan kertas berkaitan dengan hutang, hak, harta atau obligasi kontrak yang direkodkan atau diwujudkan oleh pihak-pihak yang terlibat dengan niat untuk mewujudkan medium keterangan, supaya perkara itu direkodkan dan menjadi bahan bukti dalam apa-apa pertikaian yang berkaitan.<sup>12</sup> Dokumen juga didefinisikan sebagai kenyataan yang dibuat atau nota yang ditulis oleh seseorang yang mungkin berada dalam kedudukan pihak berkuasa atau hakim atau rakyat biasa. Kenyataan dan nota tersebut boleh dibuat di atas kertas rasmi, kertas, dimeterai atau sebaliknya.<sup>13</sup> Walau bagaimanapun, daripada kedua-dua pendefinisian dokumen di atas tidak menyebut bentuk-

<sup>7</sup> Nurainolmardhiah Abdul Halim, Setra Ginsim, Siti Khadijah Baharuddin, *Case Studies: Admissibility of Digital Records As Legal Evidence in Malaysia*, <http://www.sarbica.org.my/images/stories/doc/SeminarOnElectronicRecords-KL2015/paper-case%20studies%20admissibility%20of%20digital%20records%20as%20legal%20evidence%20in%20malaysia.pdf>, [9 Januari 2017].

<sup>8</sup> Nurainolmardhiah Abdul Halim, Setra Ginsim, Siti Khadijah Baharuddin, *Case Studies: Admissibility of Digital Records As Legal Evidence in Malaysia*, <http://www.sarbica.org.my/images/stories/doc/SeminarOnElectronicRecords-KL2015/paper-case%20studies%20admissibility%20of%20digital%20records%20as%20legal%20evidence%20in%20malaysia.pdf>, [9 Januari 2017].

<sup>9</sup> Azilah Hadri dan lain-lain lwn Pendakwa raya, <http://www.cljlaw.com/default.asp?page=cotw131004>, [10 Januari 2017].

<sup>10</sup> Khairul Anwar Rahmat, *Sahkah cerai sms, luar mahkamah?*, <http://www.sinarharian.com.my/sahkah-cerai-sms-luar-mahkamah-1.237645>, [ 3 April 2017].

<sup>11</sup> *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*, Jurnal Hukum, JLD XX BHG 1, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya, Hlm. 105 – 121.

<sup>12</sup> Abd al-Hasib, *Qadi wa-al-bayyinah*, Maktabat al-Mu'allā, al-Kuwayt, 1987. Abdul Haseb telah menghuraikan berkenaan definisi dokumen dalam bukunya *qadi wa-al-bayyinah*.

<sup>13</sup> Mohammed Burhan Arbouna, *Islamic Law of Evidence : The Function of Official Document in Evidence*, Syarikat Nurulhas, Kuala Lumpur, 1999, Hlm. 18-106.

bentuk dokumen dalam jenis-jenis yang lain. Definisi-definisi tersebut hanya mengkategorikan dokumen sebagai tulisan atau kenyataan atau nota yang direkodkan di dalam kertas rasmi sahaja. Ini bermakna keterangan digital tidak disebut sebagai salah satu bentuk keterangan dokumen dalam pendefinisian tersebut. Keterangan dokumen berbentuk digital adalah merupakan satu perkara baharu pada zaman kini dan tiada hukum berkaitan pemakaianya yang dibuat di dalam mana-mana kitab fikah.<sup>14</sup>

Sungguhpun definisi keterangan dokumen digital tidak ada penjelasan khusus di dalam prinsip syariah, prinsip syariah menerangkan kepentingan merekodkan transaksi untuk mengelakkan dari berlaku sebarang permasalahan seperti yang disebut dalam surah Al-Baqarah di dalam ayat 282. Ayat tersebut menekankan kepentingan sesuatu dokumen untuk dikemukakan di mahkamah sebagai keterangan dalam perbicaraan.<sup>15</sup> Menurut Ibn Qayyim, keterangan merujuk kepada setiap sesuatu yang menjelaskan atau menerangkan sesuatu hak atau kepentingan. Pengertian ini adalah luas dan menyeluruh, meliputi apa-apa sahaja yang menjelaskan, menerangkan atau membuktikan kedudukan atau keadaan sesuatu hak atau kepentingan yang boleh diambil kira oleh hakim atau mahkamah dalam memberikan hak kepada yang berhak atau menjatuhkan hukuman dengan adil lagi saksama.<sup>16</sup>

Malahan Islam juga merupakan sebuah agama yang sesuai untuk diperaktikkan di mana-mana zaman kehidupan. Pelbagai hukum baru boleh dikeluarkan mengikut kesesuaian kehidupan serta permasalahan pada masa kini dengan syarat hukum baru tersebut mematuhi prinsip-prinsip syariah yang sedia ada serta tidak melanggar hukum syarak. Kaedah fikah ada menyatakan bahawa “*kitabah adalah seperti lisan*” yang membawa maksud keterangan dalam bentuk tulisan atau dokumen boleh diterima sebagai keterangan sama seperti keterangan percakapan. Walaupun dalam undang-undang keterangan Islam kesaksian adalah bukti yang kuat, prinsip syariah di atas meletakkan pembuktian dokumen pada tahap pembuktian yang sama seperti kesaksian lisan.<sup>17</sup> Ini juga berdasarkan hukum lafadz talak melalui medium elektronik seperti SMS, emel dan faksimili yang boleh diterima sebagai pembuktian bahawa lafadz talak itu wujud tetapi dalam hal sebegini memerlukan pengesahan atau pengakuan daripada suami sama ada telah menghantar lafadz cerai tersebut dan juga mempunyai niat untuk bercerai. Sekiranya tiada pengakuan yang dibuat maka suami perlu diarahkan untuk mengangkat sumpah. Sekiranya suami mengaku menghantar lafadz cerai tersebut maka suami perlu disiasat oleh hakim sama ada mempunyai niat untuk bercerai atau tidak.<sup>18</sup>

---

<sup>14</sup> Wan Abdul Fattah Wan Ismail, *Penerimaan dan Kekuatan Dokumen Elektronik dalam Pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia*, Jurnal Kanun DBP, Jilid 28 Bil. 2 Julai 2016, <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/06/6Dokumen.pdf>, [9 Januari 2017].

<sup>15</sup> Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam*, Dawama Sdn bhd, Selangor, 2003. Keperluan untuk mengemukakan dokumen semasa perbicaraan di mahkamah sebagaimana yang dikaitkan keperluannya dalam surah al-Baqarah ayat 282 ada ditafsir berkaitan perkara berkenaan oleh penulis dalam bukunya bertajuk Undang-undang Keterangan Islam. Lihat juga Wan Abdul Fattah Wan Ismail, *Penerimaan dan Kekuatan Dokumen Elektronik dalam Pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia*, Jurnal Kanun DBP, Jilid 28 Bil. 2 Julai 2016, <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/06/6Dokumen.pdf>, [27 Mei 2017]. Wan Abdul Fattah Wan Ismail juga turut menghuraikan ayat 282 surah al-Baqarah sebagai keperluan mengemukakan dokumen semasa perbicaraan di mahkamah dalam jurnalnya bertajuk Penerimaan dan Kekuatan Dokumen Elektronik dalam Pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia.

<sup>16</sup> Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam*, Dawama Sdn bhd, Selangor, 2003, Hlm. 1-40.

<sup>17</sup> Mahmud Saedon A. Othman, *Undang-undang Keterangan Islam*, Dawama Sdn bhd, Selangor, 2003, Hlm. 1-40.

<sup>18</sup> Raehana Burhanuddin, *Perceraian Menggunakan Sms, Email Dan Faksimili Di Mahkamah Syariah Daerah Pontian Johor Malaysia*, Jurnal Kajian Hukum Islam, <http://ejournal.iainjambi.ac.id/index.php/arrisalah/article/view/210>, [9 Januari 2017].

Menurut prinsip syariah berkaitan keterangan, dokumen juga dianggap sebagai keterangan *qarinah*. Keterangan sebegini dikemukakan bertujuan untuk menguatkan keterangan-keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah. Keterangan tersebut juga perlu dikuatkan oleh keterangan daripada pakar untuk menguji kredibiliti keterangan dokumen yang telah dikeluarkan.<sup>19</sup> Walaupun tiada perincian yang jelas di sisi prinsip syariah berkaitan dokumen berbentuk digital ini tetapi ianya perlu dianggap sebagai salah satu bentuk keterangan yang penting. Ini kerana keterangan dokumen berbentuk digital dapat membantu mahkamah untuk mempertimbangkan sesuatu fakta dan keterangan.

### **Keterangan Dokumen Digital: Pendirian Mahkamah Syariah di Malaysia berkaitan Kebolehterimaannya**

Dokumen berbentuk digital telah lama diguna pakai dalam sistem kehakiman di Malaysia. Artikel ini telah mengkaji banyak kes-kes yang menggunakan keterangan berbentuk digital. Namun, untuk tujuan kajian artikel ini, hanya ingin membincangkan empat jenis tuntutan kes iaitu kes permohonan pengesahan nikah Siti Adira Suhaimi, kes tuntutan fasakh Zabariah binti Mat Piah lwn Syed Abas bin Syed Ibrahim, kes tuntutan nusyuz Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa, Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad dan Ramlee bin Ismail lwn Masuah bt Abd Rashid, kes tuntutan perceraian Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan.

#### **Kajian Kes 1: Permohonan Pengesahan Nikah**

*(Permohonan Siti Adira Suhaimi dan Adenan Abu)<sup>20</sup>*

Dalam kes permohonan pengesahan pernikahan Siti Adira Suhaimi dan pasangannya Adenan, yang memfailkan permohonan pengesahan pernikahan berpoligami di luar negara pada 8 Januari 2016 mengikut Seksyen 12 dan 23 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984. Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah, Lutfhatul Hana Samsudin memerintahkan untuk mengemukakan bukti pernikahan iaitu gambar asal selain bukti lain pernikahan berkenaan di Songkhla, Thailand pada 3 Disember 2015. Artikel ini mendapati bahawa gambar pernikahan di Thailand menjadi bahan bukti atau keterangan yang diperlukan oleh pihak mahkamah dalam meluluskan permohonan pengesahan pernikahan yang dibuat oleh pemohon. Artikel ini juga mendapati sumber bahan bukti gambar merupakan pembuktian di bawah keterangan dokumen berbentuk digital.

#### **Kajian Kes 2: Tuntutan Fasakh**

*(Zabariah binti Mat Piah lwn Syed Abas bin Syed Ibrahim)<sup>21</sup>*

#### **Kes Mal No: 06100-041-0422 -2008**

Kes ini merupakan tuntutan fasakh di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan pada 10 Oktober 2008. Plaintiff, Zabariah Binti Mat Piah telah bernikah dengan Defendant, Syed Abas Bin Syed

---

<sup>19</sup> Jasri Jamal, *Kebolehterimaan Teknologi dalam Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah*, Jurnal Hukum, JLD 33 BHG 1, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya, 2011, Hlm. 1-12.

<sup>20</sup> My Metro, *Adira Suami diarah Kemuka Bukti Nikah*, <http://www.hmetro.com.my/node/121099> [10 Januari 2017].

<sup>21</sup> Kes Mal No: 06100-041-0422-2008 sebagaimana dilihat dalam Alasan Penghakiman Jabatan Kehakiman Syariah Pahang <http://pahang.jksm.gov.my/jksp/images/stories/alasanpenghakiman/5fasakh.pdf>, [3 April 2017].

Ibrahim pada 11 Jun 1968 dan telah dikurniakan lima orang anak. Antara alasan-alasan yang dikemukakan oleh Plaintiff dalam menfaikan tuntutan fasakh di Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan adalah nafkah yang tidak mencukupi dan Defendant telah mengasari tubuh Plaintiff.

Walaubagaimanapun, keterangan berkaitan pihak Plaintiff dipukul merupakan satu beban pembuktian yang terletak di bahu Plaintiff. Tiada sebarang laporan perubatan dari mana-mana Institusi Perubatan atau Klinik yang menyokong dakwaan Plaintiff atau keterangan dokumen berbentuk visual / gambar yang menunjukkan bahawa Plaintiff dipukul dengan teruk atau mendatangkan mudharat kepada fizikal Plaintiff dibawa ke Mahkamah semasa perbicaraan. Dalam hal ini, hakim melihat bahawa pukulan itu adalah ringan dan tidak mendatangkan kecederaan yang parah. Namun untuk membawa saksi bagi pembuktian ini adalah suatu perkara yang mustahil kerana tidak ada seorang pun yang memukul isterinya dan memanggil orang untuk melihat perlakuan tersebut.

Artikel ini mendapati bahawa dakwaan Plaintiff perlu disokong dengan keterangan atau bukti-bukti. Antara bukti-bukti yang boleh diterima di mahkamah syariah dalam kes tuntutan fasakh berkaitan dengan isu mengasari fizikal adalah seperti laporan perubatan Institusi Perubatan atau Klinik atau visual atau gambar yang menunjukkan telah dipukul dengan teruk atau mendatangkan bahaya kepada fizikal. Artikel ini juga mendapati bahawa mahkamah syariah menerima gambar atau visual yang dianggap sebagai keterangan berbentuk digital sebagai pembuktian di dalam perbicaraan.<sup>22</sup>

### Kajian Kes 3: Tuntutan Nusyuz

(*Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa,<sup>23</sup> Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad<sup>24</sup> dan Ramlee bin Ismail lwn Masuah bt Abd Rashid<sup>25</sup>*)

**Kes Mal No: 14004-058-0030-2006, Kes Mal No: 14002-058-0001-2004 dan Kes Mal No: 14005-058-0336-2007**

Dalam kes tuntutan nusyuz, kebanyakan tuntutan yang dibuat disokong dengan keterangan yang berbentuk gambar dengan melampirkan gambar yang menunjukkan kelakuan isteri yang nusyuz dan kesemuanya menunjukkan gambar Defendant dengan lelaki lain yang bukan muhrim Defendant. Dalam kes Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa, Plaintiff telah melampirkan gambar Defendant berpeluk-pelukan dengan lelaki lain. Defendant pula telah menyatakan di dalam Penyata Pembelaannya bahawa gambar tersebut merupakan gambar yang diambil semasa parti di tempat kerja Defendant dan gambar tersebut hanyalah sebagai kenangan dan tidak mempunyai niat untuk melakukan perkara-perkara yang tidak baik. Manakala dalam kes Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad, Plaintiff

<sup>22</sup> Wan Abdul Fattah Wan Ismail, *Penerimaan dan Kekuatan Dokumen Elektronik dalam Pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia*, Jurnal Kanun DBP, Jilid 28 Bil. 2 Julai 2016, <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/06/6Dokumen.pdf>, [27 Mei 2017].

<sup>23</sup> Kes Mal No: 14004-058-0030-2006 sebagaimana dilihat dalam Nurul Wazeera Ahmad Dahalan, *Pensabitan Isteri Nusyuz Menurut Undang-undang keluarga Islam: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, <http://studentsrepo.um.edu.my/5290/8/pliminari.pdf> [3 April 2017].

<sup>24</sup> Kes Mal No: 14002-058-0001-2004 sebagaimana dilihat dalam Nurul Wazeera Ahmad Dahalan, *Pensabitan Isteri Nusyuz Menurut Undang-undang keluarga Islam: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, <http://studentsrepo.um.edu.my/5290/8/pliminari.pdf> [3 April 2017].

<sup>25</sup> Kes Mal No: 14005-058-0336-2007 sebagaimana dilihat dalam Nurul Wazeera Ahmad Dahalan, *Pensabitan Isteri Nusyuz Menurut Undang-undang keluarga Islam: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, <http://studentsrepo.um.edu.my/5290/8/pliminari.pdf> [3 April 2017].

melampirkan bil telefon yang menunjukkan Defendan selalu menghubungi lelaki lain dan di dalam kes Ramlee bin Ismail lwn Masuah bt Abd Rashid, Plaintiff mengemukakan SMS Defendan terhadap lelaki lain.

Artikel ini mendapat bahawa mahkamah syariah menerima tuntutan nusyuz sekiranya terdapat bukti yang menunjukkan perlakuan nusyuz itu berlaku dan pembuktian yang dikemukakan adalah keterangan dokumen seperti gambar, bil telefon dan SMS. Artikel ini juga mendapat bahawa keterangan dokumen seperti gambar, bil telefon dan SMS juga dianggap sebagai keterangan berbentuk digital dan diterima pakai di mahkamah syariah.

#### Kajian Kes 4: Tuntutan Perceraian

(*Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*)<sup>26</sup>

Kes ini merupakan kes rayuan yang dirayu oleh Moriazi bin Muhammad sebagai Perayu dan Ajmawati binti Atan sebagai Responden. Kes ini telah diputuskan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor pada 20 Mei 2003. Moriazi telah merayu sebahagian perintah yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Selangor. Dalam keputusan rayuannya, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah telah mengenepikan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan memerintahkan kes ini didengar semula di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor di mana perbicaraan penuh perlu dijalankan semula dan saksi-saksi hendaklah dipanggil jika ada. Antara alasan keputusan rayuan adalah kes tersebut yang didengar di Mahkamah Tinggi Syariah adalah tidak mengikut ketetapan Kanun Prosedur Mal Syariah (Selangor) 1991. Kes ini sepatutnya dimulakan dengan saman bukannya permohonan. Alasan keputusan Mahkamah Rayuan Syariah dalam rayuan tersebut juga menyatakan bahawa kes yang dibicarakan di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tidak disokong dengan saksi atau keterangan lain.

Sungguhpun begitu, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, dalam memberikan pandangan terhadap kes tersebut menyatakan bahawa Hakim Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat keputusan yang tepat dan baik mengikut prinsip syariah berkaitan keterangan dokumen.

*Saya bersetuju dengan hujah peguam syarie pihak plaintiff meskipun pihak plaintiff tidak dapat mengemukakan saksinya untuk menyokong dakwaannya atau tuntutannya, namun beliau berjaya mengemukakan qarinah yang boleh diterima oleh mahkamah ini, iaitu resit atau cek sebagai dokumen dan wang bayaran balik.*<sup>27</sup>

Pandangan tersebut berdasarkan setiap pelaksanaan yang melibatkan dokumen digital membabitkan proses penyimpanan, pengeluaran dan penghantarnya duit sama ada secara dalam talian atau melalui cek seperti yang berlaku dalam kes ini. Keterangan digital ini lebih kuat dan konsisten berbanding kesaksian kerana ia tidak berubah. Malahan dalam kes ini, sokongan keterangan daripada saksi adalah sukar untuk diperolehi dan adalah memadai jika

<sup>26</sup> *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*, Jurnal Hukum, JLD XX BHG 1, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya, Hlm. 105 – 121.

<sup>27</sup> Hakim Mahkamah Tinggi Syariah tersebut telah membuat keputusan sedemikian dalam kes Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan, dalam nombor kes Mal: 10000-41-04-2003 sebagaimana diulas perkara berkenaan dalam jurnal bertajuk *Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*, Jurnal Hukum, JLD XX BHG 1, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Putrajaya, Hlm. 105 – 121.

disokong dengan keterangan daripada pakar yang mempunyai kepakaran dalam mengesahkan bukti dokumen digital yang telah dikemukakan tersebut.<sup>28</sup>

Menurut Wan Abdul Fattah lagi, pengesahan sesuatu dokumen digital dibuat melalui tandatangan yang diturunkan oleh pemilik dan bentuk tandatangan tidak pernah ditetapkan secara khusus oleh syarak. Oleh yang demikian, tandatangan secara digital juga boleh diterima menurut perspektif syariah. Dalam kes ini, penghantaran duit secara dalam talian, cek atau deposit juga mempunyai cara penurunan tandatangan pemilik mengikut cara yang tertentu dan pastinya pihak pendeposit telah menurunkan tandatangan sebagai tanda setuju daripada pihaknya.<sup>29</sup>

Artikel ini mendapati bahawa dalam kes ini, mahkamah syariah telah menerima resit atau cek sebagai dokumen dan wang bayaran balik. Ini juga menunjukkan bahawa mahkamah syariah menerima pakai bukti-buktii tersebut sebagai bentuk pembuktian di dalam perbicaraan yang juga merupakan salah satu contoh kepada keterangan berbentuk digital. Artikel juga mendapati bahawa keterangan digital tersebut juga perlu disokong dengan keterangan lain seperti keterangan daripada pakar untuk mengesahkan keaslian dokumen digital tersebut. Sungguhpun begitu, pemahaman terhadap kebolehterimaan keterangan digital adalah kurang jelas dan mengakibatkan kes ini diperintahkan untuk didengar semula dengan mengemukakan saksi-saksi yang menyokong tuntutan.

### **Metodologi Kajian:**

Kajian ini adalah merupakan suatu kajian perundungan yang menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif. Ianya merupakan suatu kajian imperikal yang menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Dalam kajian perpustakaan yang dilaksanakan, kajian ini menggunakan kaedah-kaedah analisis kandungan dan analisis kritis dalam menganalisis maklumat serta data yang diperolehi dari bahan-bahan ilmiah seperti buku, artikel serta laporan kes dari jurnal dalam isu berkaitan keterangan dokumen dan keterangan dokumen digital dari perspektif prinsip Syariah. Kaedah kajian lapangan turut digunakan bagi memperkuuhkan dapatan-dapatan kajian yang sedia ada.

### **Definisi dan Kebolehterimaan Keterangan Dokumen Digital di Mahkamah Syariah di sisi Prinsip Syariah: Analisis Permasalahan dan Dapatan berdasarkan Senario Mahkamah Syariah di Malaysia**

Kajian ini membincangkan definisi keterangan dokumen dan juga keterangan dokumen dalam bentuk digital di sisi prinsip syariah. Secara umum, keterangan dokumen adalah apa-apa yang dikemukakan di mahkamah yang merupakan suatu dokumen dengan tujuan untuk dijadikan sebagai bukti terhadap suatu tuntutan atau dakwaan atau pembelaan. Keterangan dokumen dalam bentuk digital pula adalah bentuk keterangan dokumen yang menggunakan medium peranti elektronik dan ianya juga berfungsi sebagai bukti untuk dikemukakan di mahkamah.

<sup>28</sup> Wan Abdul Fattah Wan Ismail, *Penerimaan dan Kekuatan Dokumen Elektronik dalam Pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia*, Jurnal Kanun DBP, Jilid 28 Bil. 2 Julai 2016, <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/06/6Dokumen.pdf>, [9 Januari 2017].

<sup>29</sup> Wan Abdul Fattah Wan Ismail, *Penerimaan dan Kekuatan Dokumen Elektronik dalam Pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia*, Jurnal Kanun DBP, Jilid 28 Bil. 2 Julai 2016, <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/06/6Dokumen.pdf>, [27 Mei 2017]. Penurunan tandatangan secara digital sebagai tanda setuju dalam urusan muamalat diterima di sisi prinsip syariah sebagaimana dinyatakan keperluannya dalam kaedah uruf tijari.

Kajian ini mendapati bahawa definisi keterangan dokumen digital tidak ada dinyatakan di dalam prinsip syariah. Hanya pendefinisan mengenai keterangan dokumen secara umum sahaja yang ada diperjelaskan.

Kajian ini juga membincangkan kebolehterimaan keterangan dokumen di sisi prinsip syariah. Dalam hal ini, kajian mendapati bahawa prinsip syariah berkaitan keterangan mengiktiraf dokumen sebagai keterangan *qarinah*. Keterangan tersebut berfungsi untuk mengukuhkan lagi keterangan-keterangan lain yang dikemukakan di mahkamah. Keterangan tersebut juga boleh diterima oleh mahkamah setelah diperkuatkan dengan keterangan daripada pakar untuk menguji kredibiliti keterangan dokumen yang telah dikeluarkan. Namun, penyelidik turut mendapati bahawa kedudukan serta kebolehterimaan keterangan dokumen digital tidak begitu jelas diperkatakan oleh prinsip syariah.

Walaupun tiada perincian yang jelas berkaitan definisi serta kebolehterimaan di sisi prinsip syariah berkaitan keterangan dokumen berbentuk digital, keterangan digital sedemikian adalah merupakan suatu bentuk keterangan yang memainkan peranan yang penting dalam proses pembuktian sesuatu kes mal dan jenayah syariah. Ianya membantu memperkuuhkan sesuatu fakta dan keterangan. Ini kerana sekiranya keterangan dokumen digital itu saling sokong menyokong dengan fakta dan keterangan lain yang sedia ada, ianya akan membantu meyakinkan mahkamah untuk menerima sesuatu fakta dan keterangan serta membantu mahkamah untuk membuat sesuatu keputusan.

Ketiadaan definisi serta prinsip kebolehterimaan yang jelas dari perspektif prinsip syariah di negara ini telah mengakibatkan wujudnya pandangan yang menerima (*Ajmawati binti Atan lwn Moriazi bin Muhammad*) dan yang menolak (*Moriazi bin Muhammad lwn Ajmawati binti Atan*) pengaplikasian dan kebolehterimaannya keterangan dokumen digital di mahkamah syariah.

### **Pengemukaan Keterangan Dokumen Digital di Mahkamah Syariah di Malaysia: Ke arah Cadangan Pemeriksaan**

Berdasarkan kedua-dua dapatan tersebut, penyelidik ingin mengemukakan dua bentuk cadangan seperti berikut:

- a) Prinsip syariah berkaitan definisi dan kebolehterimaan keterangan dokumen digital harus diperjelaskan dan diperkemaskan. Para ulama' dan pakar dalam bidang keterangan dan prosedur syariah di negara ini harus bersepakat dalam pendefinisan dan kebolehterimaan keterangan dokumen digital. Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyemak enakmen syariah di negara ini harus membincangkan idea untuk mengemaskini definisi keterangan dokumen di Bahagian Tafsiran dalam enakmen keterangan mahkamah syariah di seluruh negara. Ianya bertujuan untuk mengkaji ruang untuk memperkemaskan, memperjelaskan serta memperincikan definisi keterangan dokumen untuk merangkumi keterangan dokumen berbentuk digital. Jika proses ini boleh berlaku, ianya memberi indikasi bahawa terdapat persetujuan di kalangan pakar undang-undang keterangan dan prosedur syariah di negara ini untuk memperluaskan maksud keterangan dokumen di mahkamah syariah agar merangkumi keterangan dokumen berbentuk digital serta memperakui kebolehterimaannya dalam perbicaraan mal dan jenayah syariah di negara ini.

- b) Bahawa Mahkamah Syariah di Malaysia perlu mengambil pendirian yang jelas untuk menerima dan seragam keterangan dokumen berbentuk digital sebagai pembuktian yang sah dan bernilai dalam mana-mana perbicaraan kes jenayah dan mal syariah. Justeru pihak berwajib di peringkat penguatkuasaan negeri harus mengadakan perbincangan ke arah mewujudkan suatu ketetapan berbentuk prosedur dan pengoperasian untuk menyeragamkan kebolehtenerimaan pengemukaan bukti yang berkaitan keterangan berbentuk digital di mahkamah syariah.

## Kesimpulan

Keterangan dokumen merupakan salah satu bentuk pembuktian yang kerap dikemukakan di mahkamah syariah dan mahkamah sivil. Keterangan dokumen pada masa kini tidak terhad kepada apa-apa yang direkod di dalam kertas sahaja bahkan penggunaannya telah diperluaskan kepada keterangan dokumen dalam bentuk digital. Keterangan digital ini secara amnya membabitkan apa-apa yang direkodkan dengan menggunakan peranti elektronik seperti SMS, alat cetak, resit dan rakaman video. Sungguhpun begitu, tidak ada pendefinisan yang jelas dibuat berkaitan dengan keterangan digital dari perspektif prinsip syariah. Malah kebolehtenerimaannya dalam kes mal dan jenayah syariah di negara ini juga kurang jelas. Justeru penyelidik mengemukakan cadangan dalam usaha memastikan agar keterangan dokumen berbentuk digital boleh dikemukakan serta kebolehtenerimaannya tidak dipersoalkan dalam mana-mana perbicaraan di mahkamah syariah di Malaysia.

## Rujukan

### Buku, Jurnal dan Laman Sesawang.

Anwarullah. 2000. *Principles of Evidence in Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn Bhd.

Abd al-Hasib. 1987. *Qadi wa-al-bayyinah*. al-Kuwayt . Maktabat al-Mu'allā..

Jasri Jamal. 2011. *Kebolehtenerimaan Teknologi dalam Undang-undang Keterangan Islam di Mahkamah Syariah*. Jurnal Hukum, JLD 33 BHG 1. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Joint Technology Committee. 2016. *Managing Digital Evidence in Courts*. JTC Resource Bulletin.<http://www.ncsc.org/~media/files/pdf/about%20us/committees/jtc/jtc%20resource%20bulletins/digital%20evidence%203-14-2016%20final.ashx>,.[10 Januari 2017].

Mahmud Saedon A. Othman. 2003. *Undang-undang Keterangan Islam*. Selangor: Dawama Sdn bhd.

Mohamad Ismail Mohamad Yunus. 2013. *Nilai Keterangan Elektronik dan Digital Menurut Akta Keterangan 1950*. Pengaman, Official Magazine of Royal Malaysia Police. <http://irep.iium.edu.my/50511/> . [10 Januari 2017]..

Mohammed Burhan Arbouna. 1999. *Islamic Law of Evidence : The Function of Official Document in Evidence*. Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas.

My Metro. 2016. *Adira Suami diarah Kemuka Bukti Nikah*. <http://www.hmetro.com.my/node/121099>. [10 Januari 2017].

Nurainolmardhiah Abdul Halim, Setra Ginsim, Siti Khadijah Baharuddin. (2015). *Admissibility of Digital Records as Legal Evidence in Malaysia*. <http://www.sarbica.org.my/images/stories/doc/SeminarOnElectronicRecords-KL2015/paper-case%20studies%20admissibility%20of%20digital%20records%20as%20legal%20evidence%20in%20malaysia.pdf>. [9 Januari 2017].

Nurul Wazeera Ahmad Dahalan, *Pensabitan Isteri Nusuz Menurut Undang-undang keluarga Islam: Kajian di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, <http://studentsrepo.um.edu.my/5290/8/pliminari.pdf>. [3 April 2017].

Raehana Burhanuddin. 2012. *Jurnal Kajian Hukum Islam. Perceraian Menggunakan Sms, Email Dan Faksimili Di Mahkamah Syariah Daerah Pontian Johor Malaysia*. <http://ejournal.iainjambi.ac.id/index.php/arrisalah/article/view/210>. [9 Januari 2017].

Sean E. Goodison, Robert C. Davis, Brian A. Jackson. 2015. *Digital Evidence and The U.S. Criminal Justice System*. [http://www.rand.org/pubs/research\\_reports/RR890.html](http://www.rand.org/pubs/research_reports/RR890.html). [9 januari 2017].

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Zulfakar Ramlee. 2013. *Keterangan Melalui Kitābah: Menurut Fiqh dan Undang-Undang Semasa di Malaysia*. Jurnal Undang-undang Masyarakat. [http://journalarticle.ukm.my/7026/1/Keterangan\\_Melalui\\_Kit%C4%81bah\\_Menurut\\_Fiqh\\_dan\\_Undang-Undang\\_Semasa\\_di\\_Malaysia.pdf](http://journalarticle.ukm.my/7026/1/Keterangan_Melalui_Kit%C4%81bah_Menurut_Fiqh_dan_Undang-Undang_Semasa_di_Malaysia.pdf). [9 Januari 2017].

Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2011. *Kaedah Pembuktian Melalui Kitabah Elektronik di Mahkamah Syariah*. Jurnal Hukum. JLD 33 BHG 2. Putrajaya: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Hlm. 165-182.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2015. *Forms of Document Falsification in Malaysia's Syariah Courts*. Malaysian Journal of Society and Space 11 issue 9. <http://www.ukm.my/geografiya>. [9 Januari 2017].

Wan Abdul Fattah Wan Ismail. 2016. *Penerimaan dan Kekuatan Dokumen Elektronik dalam Pembuktian di Mahkamah Syariah di Malaysia*. Jurnal Kanun DBP. Jilid 28 Bil. 2 Julai 2016. <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/06/6Dokumen.pdf>. [9 Januari 2017].

## **Kes-kes Mahkamah**

Ahmad Faozi bin Mansor lwn Norhafizah binti Ahmad. Kes Mal No: 14002-058-0001-2004

Mohd. Nizam b. Abdul Malik lwn. Fauziah bt. Mohd. Isa. Kes Mal No: 14004-058-0030-2006

Ramlee bin Ismail lwn Masuah bt Abd Rashid. Kes Mal No: 14005-058-0336-2007

Zabariah binti Mat Piah lwn Syed Abas bin Syed Ibrahim. Kes Mal No: 06100-041-0422 - 2008

Mohammad Azhan Yahya  
Pensyarah,  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Email: azhan@ukm.edu.my

Prof. Madya Dr. Ahmad 'Azam Mohd Shariff  
Pensyarah,  
Fakulti Undang-undang,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
Email: aazam@ukm.edu.my

Mohd Abu Hassan Abdullah  
Pegawai Syariah,  
Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sabah.  
Email: mahba@esyariah.gov.my